

# Menekan negara lemah

# PBB alat kuasa besa

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kini hanya menjadi alat negara kuasa besar untuk melaksanakan dasarnya serta 'menekan' negara lemah.

Menurut Perdana Menteri, sikap PBB membiarkan penganas Serb membunuh orang Islam di depan mata Pasukan Perlindungan PBB (Unprofor) dalam kejadian terbaru di Gorazde, Bosnia membuktikan pertubuhan itu hanya menolong dan memihak kepada yang kuat sahaja.

"Keadaan di Bosnia amat menyedihkan. PBB dan Majlis Keselamatan tidak berbuat apa-apa untuk menolong orang Islam sedangkan mereka boleh berbuat demikian jika mahu.

"Sebenarnya mereka nak bagi penganas Serb bunuh orang Islam dan menawan Gorazde. Sebab itu apabila penganas Serb mara, PBB tidak menahan. Mereka hanya mahu menyelamatkan pasukan PBB dan meninggalkan orang Islam di situ tanpa sebarang perlindungan," katanya mengulas mengenai perkembangan terbaru di Bosnia-Herzegovina.

Setakat ini ada 65,000 penduduk terperangkap di Gorazde termasuk pelarian dari wilayah berdekatan tanpa bantuan ketenteraan atau kemanusiaan.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak faham dengan sikap PBB yang lantang bercakap mengenai hak asasi manusia tetapi tidak sanggup menolong apabila pembunuhan orang Islam berlaku di depan mata mereka.

"Kita amat kecewa dengan sikap PBB yang cuma mahu menekan

negara yang lemah sahaja. Saya hilang kepercayaan sama sekali kepada orang ini," katanya selepas majlis Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Dalam Negeri; Jabatan Pendaftaran Pertubuhan serta Jabatan Pertahanan Awam 1993 di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob dan Setiausaha Parlimen, Ong Ka Ting. Sebanyak 51 pegawai dan kakitangan menerima anugerah itu.

Dr Mahathir berkata, kerajaan khuatir mengenai kedudukan pasukan tentera negara kerana mereka tidak dibekalkan dengan senjata yang cukup kerana kerajaan percaya tugas pasukan itu ialah

untuk menjaga keamanan sahaja.

Beliau berharap anggota Unprofor diberi senjata mencukupi bukan sahaja untuk mempertahankan diri, malah melakukan serangan balas jika Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memutuskan demikian.

"Kita sedia bersama-sama menyerang penganas Serb kalau PBB hendak menyerang mereka. Kita berharap diberi senjata yang cukup. Tetapi mereka (PBB) tidak ingin mempertahankan sama sekali orang Islam Bosnia. Saya tidak faham langsung apa maknanya dasar ini.

"Sebaik-baik sekali ialah kita memberi senjata kepada orang Bosnia untuk mempertahankan diri mereka. Ini adalah hak mana-mana bangsa untuk pertahan diri kalau orang lain tidak sanggup.

"Sebaliknya, apa yang berlaku di Bosnia ialah bukan sahaja rakyatnya tidak diberi senjata malah mereka tidak mendapat pertolongan sewajarnya daripada PBB," katanya.

Malaysia tidak akan menarik balik anggota tenteranya yang berkhidmat dengan Unprofor di Bosnia-Herzegovina walaupun kerajaan khuatir dengan kedudukan mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan tidak boleh menarik balik anggota Batalion Malaysia (Mabatt) yang bertugas di negara berkenaan kerana langkah itu akan menyamai langkah PBB yang kita kecam.

"Kita tidak boleh menarik balik penyertaan itu kerana itu sama dengan PBB yang kita kecam. Kita

LIHAT MUKA 2

## PBB alat kuasa besar

DARI MUKA 1

sedar bahaya kepada tentera kita. Tetapi kita tidak boleh membiarkan orang Islam Bosnia dibunuh begitu sahaja oleh penganas Serb.

"Kita tidak bercakap mengenai keadilan tetapi kita tetap membantu Bosnia. Tetapi orang yang bercakap banyak mengenai keadilan dan hak asasi manusia tidak menolong walaupun orang Bosnia dibunuh di depan mata mereka. Apakah jenis manusia ini?," katanya.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya memberi pertolongan kepada yang lemah walaupun tidak lagi percaya kepada keikhlasan Majlis Keselamatan dan PBB atau Setiausaha Agungnya.

Beliau berkata, tindakan Malaysia selepas ini hanya boleh mendesak kerana negara mempunyai komitmen dari segi penghantaran pasukan tentera ke negara itu.